

TAHAP KESEDIAAN GURU SEJARAH SEKOLAH RENDAH DALAM MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBP)

[LEVEL OF READINESS OF PRIMARY SCHOOL HISTORY TEACHERS IN IMPLEMENTING PROJECT-BASED LEARNING (PBL)]

DARSHINI JAYAKUMAR^{1*}, NURAZIDAWATI MOHAMAD ARSAD¹, & ANUAR AHMAD¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: p144752@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 November 2025

Accepted: 12 January 2026

Published: 01 February 2026

Abstrak Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dilihat sebagai satu pendekatan pedagogi yang berpotensi menyokong pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi, kolaborasi serta penghayatan nilai dan warisan sejarah. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan PBP serta menganalisis hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan tersebut. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 150 orang guru Sejarah dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui analisis deskriptif dan Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap PBP berada pada tahap sederhana tinggi, serta wujud hubungan positif yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut. Implikasi kajian ini menekankan keperluan pembangunan profesional berterusan dan latihan pedagogi berfokuskan PBP oleh pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap kesediaan guru, seterusnya menyokong pelaksanaan pengajaran Sejarah yang lebih berkesan dan bermakna.

Kata Kunci: Pembelajaran berasaskan Projek, kesediaan, pengetahuan, kemahiran, sikap

Abstract: This study aims to examine the level of readiness of primary school History teachers in implementing Project-Based Learning (PBL) and to analyse the relationship between teachers' knowledge, skills, and attitudes towards the implementation of this approach. This quantitative survey-based study involved 150 History teachers and employed a questionnaire as the research instrument. Data were analysed using SPSS through descriptive analysis and Pearson correlation. The findings indicate that teachers' levels of knowledge, skills, and attitudes towards PBL are at a moderately high level, and that there are significant positive relationships among these three variables. The implications of this study highlight the need for continuous professional development and PBL-focused pedagogical training by relevant stakeholders to enhance teachers' readiness, thereby supporting more effective and meaningful History teaching.

Keywords: Project-Based Learning, Readiness, Knowledge, Skills, Attitudes.

Cite This Article:

Darshini Jayakumar, Nurazidawati Mohamad Arsad, & Anuar Ahmad. (2026). Tahap Kesediaan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) [Level Of Readiness Of Primary School History Teachers In Implementing Project-Based Learning (PBL)]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1): 86-104.

PENGENALAN

Pendidikan Sejarah merupakan salah satu komponen penting dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermatlamat mencorakkan pelajar yang memahami sejarah negara dan dunia serta mampu berfikir secara kritis, analitis dan reflektif. Dalam konteks pendidikan abad ke-21 pendekatan pengajaran yang lama dilihat semakin kurang relevan. Oleh itu, Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) yang efektif seperti Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) menjadi alternatif penting dalam menilai pelajar secara menyeluruh, merangkumi domain kognitif, afektif dan psikomotor (Buck Institute of Education, 2003). PBP bukan sahaja mengukur pengetahuan pelajar tetapi juga kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti, kolaborasi serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kontekstual.

Seiring dengan keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan melaksanakan penambahbaikan dari segi kurikulum dan pendekatan pedagogi bagi melahirkan murid yang beradab, berakhlak dan berintegriti selaras dengan aspirasi konsep *Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC)*. Dalam konteks ini, PBP diperkenalkan sebagai salah satu strategi pedagogi inovatif yang berupaya menyokong pembelajaran bermakna melalui penglibatan aktif murid, pembelajaran kolaboratif serta penerapan kemahiran berfikir aras tinggi. Guru berperanan sebagai agen pelaksana inovasi pendidikan yang bertanggungjawab mempelbagaikan strategi pengajaran, khususnya melalui pengaplikasian PBP, bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan PBP menjadi faktor penting dalam memastikan kejayaan transformasi pendidikan negara serta pencapaian objektif PdP di dalam bilik darjah (Tumanduk et al., 2018).

Marcapada ini, PBP dilihat sebagai satu pendekatan bermakna yang mampu menjadikan subjek ini lebih menarik, relevan dan berkesan dalam membangunkan potensi pelajar secara holistik. Melalui pelaksanaan projek, pelajar dapat meneroka peristiwa sejarah secara mendalam, menganalisis bukti dan membentuk interpretasi sendiri berdasarkan sumber yang sahih. Kaedah ini juga dapat merangsang pemikiran sejarah dan memurnikan kemahiran insaniah pelajar seperti komunikasi dan kerja berpasukan, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Namun demikian, realiti pelaksanaan di bilik darjah menunjukkan bahawa sebahagian besar guru Sejarah masih berhadapan dengan kekangan dari segi kompetensi pedagogi, apabila mereka cenderung mengekalkan pendekatan pengajaran satu hala iaitu berpusatkan guru. Selain tu, guru kurang mengamalkan strategi pembelajaran berpusatkan murid (Fazila & Mohd Mahzan, 2019). Ketidakupayaan guru untuk mengadaptasi amalan pedagogi yang bersifat dinamik, di samping kekurangan inovasi dan kreativiti dalam pengajaran, mencerminkan kelemahan dalam aspek profesionalisme guru Sejarah itu sendiri (Ozerk, 2020).

Walaupun PBP telah lama diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan pedagogi alternatif, masih terdapat sebilangan guru yang kurang jelas tentang hala tuju, matlamat serta kaedah pelaksanaannya secara berkesan dalam mata pelajaran Sejarah. Kekurangan kefahaman ini seterusnya melemahkan amalan pedagogi guru dan menyukarkan pencapaian objektif pendidikan Sejarah yang telah digariskan dalam kurikulum (Abd Hamid, Ahmad & Awang, 2019). Justeru, kesediaan guru Sejarah yang menyeluruh sama ada sebelum, semasa atau

selepas sesi PdP adalah amat penting bagi memastikan penyampaian ilmu dapat difahami, dihayati dan ditafsirkan dengan tepat oleh murid, khususnya dalam konteks memahami dan mentafsir peristiwa masa lalu secara bermakna.

Dalam skop yang lebih menyeluruh, pemahaman terhadap Sejarah berkait rapat dengan realiti kehidupan bermasyarakat kerana disiplin ini berperanan merekod dan menafsir perubahan serta pengalaman kolektif masyarakat terdahulu (Holland et al., 2018). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang terlalu bergantung kepada persekitaran bilik darjah boleh mengehadkan perkembangan pemikiran murid, khususnya apabila peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan konteks dunia sebenar adalah terhad (Mohamad Ikhwan & Anuar Ahmad, 2018). Justeru, Pembelajaran Berasaskan Projek dianggap sebagai pendekatan pedagogi yang relevan kerana membolehkan murid mengalami pembelajaran yang bersifat autentik dan kontekstual, sekali gus memperkukuh penghayatan mereka terhadap kandungan Sejarah di luar kerangka formal persekolahan (Foran, 2008). Perbincangan ini secara jelas menonjolkan kewujudan jurang antara tahap kesediaan guru dan keberkesanan pelaksanaan PBP, terutamanya dari segi pengetahuan, kemahiran serta sikap profesional guru.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, jelas terdapat keperluan yang signifikan untuk menjalankan kajian ini bagi meneliti tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBP dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBP serta menganalisis hubungan antara ketiga-tiga aspek tersebut dengan amalan PBP dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah. Penelitian ini diharapkan dapat merungkai jurang antara tahap kesediaan guru dan keberkesanan pelaksanaan PBP, sekali gus menyumbang kepada penambahbaikan amalan pedagogi Sejarah secara lebih berkesan dan berimpak tinggi.

TINJAUAN LITERATUR

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

PBP merupakan suatu pendekatan pedagogi yang berpusatkan kepada penglibatan aktif pelajar melalui pelaksanaan tugas berasaskan penyelesaian masalah dan proses inkuiri yang autentik. Pendekatan ini dilaksanakan secara terancang dengan mengintegrasikan pembinaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran melalui aktiviti penyiasatan, perancangan tugas serta penghasilan produk pembelajaran. Dari sudut teori, PBP selari dengan teori Konstruktivisme oleh Piaget dan Vygotsky, menegaskan bahawa pembelajaran bermakna berlaku apabila pelajar membina pengetahuan secara aktif melalui pengalaman langsung serta interaksi sosial dalam persekitaran pembelajaran.

Bender (2012) menjelaskan bahawa pelaksanaan PBP perlu melalui beberapa fasa utama termasuk perancangan kumpulan, penciptaan dan pembangunan produk, penilaian awal, pencarian maklumat tambahan, serta persembahan hasil akhir. Model ini menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), di mana pelajar bukan sahaja

memperoleh ilmu baharu tetapi turut mengaplikasikan pengetahuan secara reflektif dalam konteks sebenar.

Kajian global menunjukkan keberkesanan PBP dalam meningkatkan kemahiran abad ke-21 seperti komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritikal dan kreativiti (Vlachopoulos, 2024; Rehman, Shaheen & Kazi, 2024). Dalam konteks pendidikan Sejarah, pendekatan ini menjadikan pengajaran lebih bermakna dan berorientasikan penyelidikan. Tamim dan Grant (2013) mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam PBP menunjukkan peningkatan motivasi, kemahiran penyelidikan, dan keupayaan menilai bukti sejarah secara analitik.

Wang et al. (2023) turut mengesahkan bahawa PBP membantu pelajar menghubungkan isi kandungan akademik dengan situasi dunia sebenar, sekaligus meningkatkan pembelajaran bermakna (*meaningful learning*). Di Malaysia, Mohamad, Fadzil dan Ali (2021) menegaskan bahawa penerapan PBP dalam KSSR berpotensi menggalakkan pembelajaran aktif dan kolaboratif dalam kalangan murid, selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025).

Pembelajaran Berasaskan Projek dalam peringkat global

Di peringkat antarabangsa, pelaksanaan PBP dapat dilihat dengan jelas dalam sistem pendidikan negara maju. Di Amerika Syarikat, model *Project-Based Learning* diterapkan secara meluas melalui rangka kerja Buck Institute for Education (PBLWorks), di mana murid melaksanakan projek autentik seperti kajian komuniti, simulasi sejarah dan penyelesaian isu sosial sebenar bagi meningkatkan kefahaman konseptual serta kemahiran reflektif (Larmer, Mergendoller & Boss, 2015). Di Finland, PBP dilaksanakan melalui pendekatan *phenomenon-based learning* yang mengintegrasikan pelbagai mata pelajaran dalam projek dunia sebenar seperti kelestarian alam sekitar dan warisan budaya, sekali gus menggalakkan pembelajaran rentas disiplin (Lonka et al., 2018).

Selain itu, negara Asia seperti Jepun dan Korea Selatan turut mengaplikasikan PBP melalui pembelajaran berasaskan inkuiri dan projek kolaboratif yang memberi penekanan kepada penyelesaian masalah serta pembelajaran kontekstual (Lee et al., 2014). Di Australia dan United Kingdom, PBP sering dilaksanakan dalam mata pelajaran Sains, Sejarah dan Geografi melalui aktiviti lapangan, penyelidikan komuniti dan pembinaan produk pembelajaran yang autentik (Harris, 2016; Parker et al., 2022). Kajian terkini turut menunjukkan bahawa PBP berkesan meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep abstrak apabila aktiviti pembelajaran dikaitkan secara langsung dengan persekitaran sebenar mereka (Vlachopoulos, 2024).

Walaupun bagaimanapun, literatur global menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan PBP boleh dipengaruhi melalui tahap kesediaan guru, khususnya dari aspek pengetahuan pedagogi, kemahiran merancang projek serta sikap terhadap inovasi pengajaran. Guru yang kurang bersedia cenderung melaksanakan PBP secara terhad dan bersifat permukaan, sekali gus mengurangkan impak pembelajaran terhadap murid (Hmelo-Silver, 2013; Kokotsaki et al., 2016). Justeru, kajian mengenai kesediaan guru menjadi aspek penting dalam memastikan pengaplikasian PBP dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan, selaras dengan keperluan pendidikan global masa kini.

Kesediaan Guru Sejarah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek

Kesediaan guru merujuk kepada tahap keupayaan profesional, kefahaman pedagogi serta kecenderungan sikap guru dalam menerima dan melaksanakan inovasi pengajaran. Gunter, Estes dan Schwab (2014) mentakrifkan kesediaan guru sebagai satu konstruk multidimensi yang merangkumi tiga komponen utama, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Model ini menegaskan bahawa ketiga-tiga komponen tersebut perlu wujud secara serentak bagi memastikan pelaksanaan sesuatu inovasi pendidikan dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Dalam konteks PBP, kesediaan guru menjadi faktor kritikal kerana pendekatan ini memerlukan guru menguasai bukan sahaja kandungan mata pelajaran, tetapi juga prinsip pentaksiran autentik dan kemahiran pedagogi yang bersesuaian dengan keperluan murid sekolah rendah.

Pengetahuan Guru Sejarah terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek

Pengetahuan guru merujuk kepada kefahaman terhadap konsep PBP, prinsip pentaksiran autentik, objektif kurikulum serta kaedah pelaksanaan pentaksiran yang sejajar dengan standard pembelajaran. Dalam mata pelajaran Sejarah, pengetahuan ini turut merangkumi pemahaman terhadap kemahiran disiplin sejarah seperti kronologi, analisis sumber, interpretasi peristiwa dan rasionalisasi sejarah (James Ang, 2017).

Kajian oleh Noraini, Halim dan Liana (2019) menunjukkan bahawa sebahagian guru sekolah rendah masih kurang jelas tentang perbezaan antara pentaksiran tradisional dan pentaksiran autentik, menyebabkan PBP dilaksanakan secara tidak menyeluruh. Kekurangan pengetahuan ini mengakibatkan guru cenderung menilai hasil akhir projek tanpa mengambil kira proses pembelajaran murid. Keadaan ini secara langsung menjejaskan kesahihan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang dijalankan. Oleh itu, pengetahuan guru yang kukuh terhadap konsep dan prinsip PBP merupakan prasyarat utama bagi memastikan pentaksiran yang dilaksanakan benar-benar menyokong pembelajaran bermakna dalam pengajaran Sejarah.

Kemahiran Guru Sejarah dalam Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek

Kemahiran guru merujuk kepada keupayaan merancang projek, membina rubrik penilaian, melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif, serta memberikan maklum balas yang konstruktif kepada murid. Akonoglu (2008) mendapati bahawa kelemahan dalam kemahiran perancangan dan pentaksiran merupakan antara faktor utama yang menjejaskan keberkesanan PBP. Dalam kajian tempatan, Hashim dan Mahamod (2021) melaporkan bahawa tahap kemahiran guru dalam membina instrumen pentaksiran autentik masih berada pada tahap sederhana. Kekurangan kemahiran ini menyebabkan guru lebih selesa menggunakan kaedah pentaksiran konvensional walaupun melaksanakan aktiviti berasaskan projek.

Dengan ini menunjukkan bahawa kemahiran guru memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana PBP dapat dilaksanakan secara sistematik dan sejajar dengan matlamat kurikulum Sejarah sekolah rendah.


Sikap Guru Sejarah terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek

Sikap guru merujuk kepada tahap keterbukaan, keyakinan dan komitmen guru terhadap pelaksanaan PBP. Ajzen (1991) melalui Theory of Planned Behavior menjelaskan bahawa sikap individu terhadap sesuatu tingkah laku mempengaruhi kecenderungan untuk melaksanakan tingkah laku tersebut. Dalam konteks pendidikan, sikap positif terhadap inovasi pedagogi meningkatkan kebarangkalian guru untuk mengadaptasi dan mengekalkan amalan baharu dalam pengajaran.

Balakrishnan dan Salim (2007) mendapati bahawa walaupun guru menunjukkan sikap positif terhadap PBP, kekangan masa, beban tugas dan kekurangan sokongan pentadbiran menjejaskan pelaksanaan sebenar di bilik darjah. Kajian terkini oleh Meng et al. (2023) turut mengesahkan bahawa sokongan organisasi dan peluang latihan profesional memainkan peranan penting dalam membentuk sikap guru terhadap pentaksiran inovatif. Oleh itu, sikap guru yang positif perlu disokong oleh persekitaran kerja yang kondusif agar kesediaan guru terhadap PBP dapat diterjemahkan kepada amalan pengajaran yang berkesan.

Kerangka Konseptual Kajian

Sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun banyak kajian menekankan keberkesanan PBP terhadap pencapaian murid, kajian yang menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah secara empirikal masih terhad. Tambahan pula, hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dengan pelaksanaan PBP belum dikaji secara menyeluruh, khususnya dalam konteks tempatan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PBP. Berdasarkan asas teori Konstruktivisme, Pentaksiran Autentik dan Model Kesediaan Guru, kajian ini membina kerangka konseptual seperti dalam Rajah 1 yang menyokong hipotesis bahawa terdapat hubungan signifikan antara ketiga-tiga konstruk kesediaan guru dengan pelaksanaan PBP di sekolah rendah.



Rajah 1: Kerangka Teoritik Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan yang merangkumi analisis deskriptif dan inferensi. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana kaedah ini membolehkan pengumpulan data dijalankan secara terancang dan sistematik daripada populasi sasaran, seterusnya memberikan gambaran menyeluruh berkaitan corak tingkah laku, sikap, tahap pengetahuan serta kepercayaan responden sebagaimana dihuraikan dalam kajian terdahulu (Mills & Gay, 2016).

Lokasi Kajian

Penyelidik telah melaksanakan kajian ini di 50 buah Sekolah Kebangsaan yang terletak di daerah Pasir Gudang, Johor. Lokasi ini dipilih secara terancang kerana ia mencatatkan bilangan guru opsyen Sejarah yang paling tinggi di negeri Johor, iaitu seramai 320 orang. Pemilihan sekolah kajian melibatkan sekolah harian biasa yang berada di kawasan bandar dan luar bandar bagi memastikan kepelbagaian latar sosial serta demografi murid dan guru dapat diwakili dalam kajian ini. Pemilihan lokasi ini membolehkan pengumpulan data yang lebih menyeluruh dan bermakna, sekali gus menyokong penilaian yang lebih tepat terhadap tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBP di peringkat sekolah rendah.

Populasi dan Persampelan Kajian

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang, terdapat 320 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah kebangsaan dalam daerah tersebut. Kajian ini menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan saiz sampel yang sesuai. Berdasarkan panduan tersebut, seramai 150 orang guru Sejarah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel ini memastikan kepelbagaian guru dari pelbagai sekolah dapat diwakili, sekaligus memberikan data yang mencukupi dan representatif untuk analisis kuantitatif mengenai tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBP.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik telah direka untuk menilai tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBP. Kesediaan guru diukur melalui tiga konstruk utama, iaitu pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru terhadap pelaksanaan PBP. Borang soal selidik ini diadaptasi daripada kajian terdahulu Prasetya, Segara, dan Imron (2020), Waite (2011), serta Parker (2022) berasaskan Modul PBP.

Instrumen ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A mengumpul maklumat demografi dan profil responden, manakala Bahagian B mengukur pengetahuan guru mengenai PBP melalui 12 item. Bahagian C menilai kemahiran guru dalam pelaksanaan PBP dengan 8 item, dan Bahagian D meneliti sikap guru terhadap pelaksanaan PBP melalui 14 item. Semua

item dalam Bahagian B, C, dan D menggunakan skala Likert lima mata, iaitu 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Kurang Setuju, 4 – Setuju, dan 5 – Sangat Setuju.

Tambahan pula, tiga orang pakar dalam bidang Pendidikan Sejarah telah memastikan kesahan muka dan kesahan kandungan borang soal selidik supaya dapat menghasilkan suatu kajian yang berkualiti dan ilmiah. Cadangan dan kritikan pakar telah diambil kira dan pembetulan telah dibuat bagi meningkatkan kesahihan item sebelum pelaksanaan kajian rintis. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kesahan konstruk antara 0.712 hingga 0.884 untuk konstruk pengetahuan, 0.831 hingga 0.937 bagi konstruk kemahiran, dan 0.409 hingga 0.815 bagi konstruk sikap.

Selain itu, ujian kebolehpercayaan menggunakan perisian SPSS menunjukkan nilai Cronbach's Alpha bagi setiap konstruk adalah seperti berikut: pengetahuan (0.968), kemahiran (0.957), sikap (0.886), dan keseluruhan instrumen (0.967). Nilai Alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi, menjadikan instrumen ini sah dan sesuai digunakan dalam kajian (Chua, 2014).

Tatacara Penganalisisan Data

Data yang dikumpul melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Windows versi 25.0. Proses analisis dijalankan dalam dua peringkat utama, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi, sejajar dengan objektif kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk menilai dan membandingkan skor purata (min) bagi setiap aspek iaitu pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru. Skor purata yang diperoleh dirujuk berdasarkan cadangan Nunnally dan Bernstein (1994), yang membahagikan tahap interpretasi min kepada empat kategori, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Analisis deskriptif ini membolehkan penyelidik menentukan tahap kesediaan guru secara menyeluruh bagi setiap konstruk dan membuat perbandingan antara kategori skor min. Bagi menjawab Objektif 4, iaitu menilai hubungan antara pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru dengan pelaksanaan PBP dalam pengajaran Sejarah, analisis Korelasi Pearson telah digunakan. Kaedah ini sesuai kerana ia membolehkan pengukuran kekuatan dan arah hubungan linear antara pemboleh ubah bebas (pengetahuan, kemahiran, sikap) dengan pemboleh ubah bersandar (pelaksanaan PBP).

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Berdasarkan maklumat daripada kajian rintis, borang soal selidik diedarkan kepada responden melalui Google Form. Tempoh pengumpulan data dijalankan selama lapan minggu, bagi memastikan semua responden berpeluang mengisi instrumen. Setelah data diperoleh, penyelidik menganalisis dan menginterpretasikan maklumat berdasarkan skor min dan hasil korelasi Pearson untuk menilai tahap kesediaan guru Sejarah serta hubungan antara konstruk kesediaan guru dengan pelaksanaan PBP di bilik darjah.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden merujuk kepada latar belakang responden termasuk jantina, pengalaman mengajar, dan opsyen. Seramai 150 orang guru terlibat sebagai responden kajian. Jadual 2 menunjukkan pecahan demografi responden.

Jadual 2: Demografi responden mengikut jantina, pengalaman mengajar dan opsyen (n=150)

Demografi	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	52	35.7
Perempuan	98	66.3
Pengalaman mengajar		
1 – 5 tahun	60	40.0
6 – 10 tahun	25	17.7
11 – 15 tahun	17	12.3
16 – 20 tahun	18	12.0
21 tahun ke atas	30	20.0
Opsyen		
Sejarah	78	52.0
Bukan Sejarah	72	38.0

Analisis Jadual 4.1 menunjukkan bahawa daripada 150 responden, seramai 52 orang (35.7%) adalah guru lelaki, manakala 98 orang (66.3%) adalah guru perempuan. Keputusan ini menunjukkan bahawa jumlah guru perempuan melebihi guru lelaki dalam kajian ini. Bagi pengalaman mengajar, seramai 60 orang (40.0%) mempunyai pengalaman antara 1 hingga 5 tahun, menandakan sebahagian besar responden masih berada pada peringkat awal kerjaya. Seramai 25 orang (17.7%) mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun, diikuti oleh 17 orang (12.3%) bagi tempoh 11 hingga 15 tahun, 18 orang (12.0%) antara 16 hingga 20 tahun, dan 30 orang (20.0%) mempunyai pengalaman melebihi 21 tahun, mewakili golongan

guru yang berpengalaman tinggi. Bagi opsyen pengajaran, seramai 78 orang (52.0%) merupakan guru opsyen Sejarah, manakala 72 orang (38.0%) adalah guru bukan opsyen Sejarah. Pecahan ini menunjukkan hampir kesamarataan antara guru opsyen Sejarah dan bukan Sejarah dalam kajian ini.

Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP

Tahap pengetahuan guru Sejarah diukur berdasarkan min keseluruhan serta kekerapan jawapan tertinggi daripada responden. Jadual 4.2 memaparkan perincian kekerapan dan peratusan jawapan yang menunjukkan tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan PBP dalam pengajaran Sejarah.

Jadual 4.2: Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP

Item	Pernyataan	STS n(%)	TS n(%)	KS n(%)	S n(%)	SS n(%)
B1	Saya tahu definisi PBP.	1 (0.7)	2 (1.3)	27 (18.0)	96 (64.0)	24 (16.0)
B2	Saya tahu ciri-ciri pelaksanaan PBP.	1 (0.7)	5 (3.3)	33 (22.0)	92 (61.3)	19 (12.7)
B3	Saya tahu objektif pelaksanaan PBP.	1 (0.7)	5 (3.3)	36 (24.0)	90 (60.0)	18 (12.0)
B4	Saya tahu teori-teori berkaitan pelaksanaan PBP.	3 (2.0)	7 (4.7)	65 (43.3)	65 (43.3)	10 (6.7)
B5	Saya tahu model kaedah pelaksanaan PBP.	3 (2.0)	8 (5.3)	63 (42.0)	66 (44.0)	10 (6.7)
B6	Saya memahami prosedur pelaksanaan PBP yang merangkumi fasa sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan.	3 (2.0)	4 (2.7)	44 (29.3)	87 (58.0)	12 (8.0)
B7	Saya tahu kepentingan melaksanakan PBP.	1 (0.7)	4 (2.7)	20 (13.3)	102 (68.0)	23 (15.3)
B8	Saya memahami jenis-jenis aktiviti yang boleh dijalankan dalam pelaksanaan PBP.	1 (0.7)	3 (2.0)	38 (25.3)	92 (61.3)	16 (10.7)
B9	Saya tahu proses penilaian PBP.	1 (0.7)	7 (4.7)	48 (32.0)	83 (55.3)	11 (7.3)
B10	Saya tahu peranan guru dalam melaksanakan PBP.	1 (0.7)	5 (3.3)	22 (14.7)	104 (69.3)	18 (12.0)
B11	Saya mempunyai pengetahuan tentang penggunaan sumber pelaksanaan PBP.	2 (1.3)	4 (2.7)	44 (29.3)	86 (57.3)	14 (9.3)
B12	Saya peka tentang faktor yang boleh mempengaruhi PBP.	2 (1.3)	3 (2.0)	48 (32.0)	84 (56.0)	13 (8.7)

Purata Min = 3.77

Sisihan Piawai = 0.61

Tahap = Sederhana Tinggi

Analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.77, SP = 0.61). Item B7 mencatatkan persetujuan tertinggi (83.4%), menunjukkan kesedaran guru terhadap kepentingan pelaksanaan PBP, manakala item B4 merekodkan persetujuan terendah (50.3%), mencerminkan kelemahan dalam penguasaan teori PBP. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun guru menyedari kepentingan PBP, peningkatan kefahaman teori melalui latihan dan pembangunan profesional berterusan masih diperlukan bagi memastikan pelaksanaan PBP yang lebih berkesan dalam pengajaran Sejarah.

Mengenal Pasti Tahap Kemahiran Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP

Tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan PBP diukur berdasarkan min keseluruhan dan kekerapan jawapan tertinggi daripada responden. Jadual 4.3 memaparkan perincian analisis bagi setiap item kemahiran guru. Purata min keseluruhan dicatatkan 3.66 dengan sisihan piawai 0.67, menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai kemahiran sederhana tinggi dalam melaksanakan PBP.

Jadual 4.3: Tahap Kemahiran Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP (n=150)

Item	Pernyataan	STS n(%)	TS n(%)	KS n(%)	S n(%)	SS n(%)
C1	Saya mempunyai kemahiran dalam melaksanakan PBP dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah.	5 (3.7)	10 (6.0)	49 (31.7)	77 (5.3)	11 (7.3)
C2	Saya mempunyai kemahiran dalam pemilihan modul kaedah PBP yang sesuai dengan kecenderungan murid.	2 (2.0)	13 (7.7)	63 (41.0)	58 (39.7)	13 (8.7)
C3	Saya ada kemahiran dalam merancang aktiviti yang sesuai dengan pelaksanaan PBP	3 (1.4)	6 (4.0)	46 (30.7)	82 (54.7)	14 (9.3)
C4	Saya berpotensi dalam menjalankan aktiviti PBP yang selaras dengan objektif Pdp	2 (1.3)	8 (6.3)	43 (28.7)	83 (55.3)	14 (9.3)
C5	Saya mempunyai kemahiran dalam membuat penilaian selepas pelaksanaan PBP.	2 (1.4)	5 (3.4)	53 (35.3)	76 (50.7)	14 (9.3)
C6	Saya mampu memupuk kerjasama dan kolaborasi dalam kalangan murid semasa melaksanakan PBP.	1 (0.8)	6 (3.0)	39 (27.0)	86 (56.3)	18 (12.0)
C7	Saya sering mengamalkan kreativiti	3	5	45	80	19

	dalam pelaksanaan PBP yang menarik	(1.3)	(3.7)	(30.0)	(53.3)	(12.7)
C8	Saya kerap mengaitkan pelaksanaan PBP dengan pembangunan kelestarian.	2	6	50	78	14
		(2.3)	(5.0)	(44.3)	(52.0)	(9.3)
Purata Min = 3.66						
Sisihan Piawai = 0.67						
Tahap = Sederhana Tinggi						

Analisis item menunjukkan bahawa C6 mencatatkan peratusan persetujuan tertinggi (69.3%), menandakan guru Sejarah mahir memupuk kolaborasi murid semasa pelaksanaan PBP. Sebaliknya, C2 merekodkan persetujuan terendah (47.4%), menunjukkan sebahagian guru kurang mahir dalam memilih model PBP yang sesuai. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun tahap kemahiran guru berada pada sederhana tinggi, latihan dan pembangunan profesional berterusan masih diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBP dalam pengajaran Sejarah.

Mengenal Pasti Tahap Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP

Tahap sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBP dinilai berdasarkan keseluruhan min dan kekerapan jawapan tertinggi responden. Jadual 4.4 menunjukkan perincian kekerapan dan peratusan jawapan bagi setiap item yang menilai sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBP. Analisis menunjukkan bahawa purata min keseluruhan = 3.92, dengan sisihan piawai 0.50, menandakan bahawa guru Sejarah memiliki sikap sederhana tinggi terhadap pelaksanaan PBP.

Jadual 4.4: Tahap Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP (n=150)

Item	Pernyataan	STS n(%)	TS n(%)	KS n(%)	S n(%)	SS n(%)
D1	Saya percaya bahawa pelaksanaan PBP melengkapi matlamat pendidikan abad ke-21.	1 (0.7)	2 (1.3)	18 (12.0)	91 (60.7)	38 (25.3)
D2	Saya yakin pelaksanaan PBP dapat mempertingkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.	1 (0.7)	2 (1.3)	16 (10.7)	93 (62.0)	38 (25.3)
D3	Pelaksanaan PBP melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.	1 (0.7)	1 (0.7)	13 (8.7)	86 (57.3)	49 (32.7)
D4	Pelaksanaan PBP menjadikan pembelajaran lebih relevan dan berkaitan dengan pengalaman pelajar.	1 (0.7)	1 (0.7)	15 (10.0)	85 (56.7)	48 (32.0)
D5	PBP efektif dalam melatih pelajar berfikir secara kreatif dan kritis.	1 (0.7)	0 (0.0)	18 (12.0)	89 (59.3)	42 (28.0)
D6	Saya yakin PBP boleh menjadikan suasana Pdp lebih menarik	1 (0.7)	0 (0.0)	15 (10.0)	93 (62.0)	41 (27.3)

D7	Pelaksanaan PBP dapat meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar.	1 (0.7)	1 (0.7)	17 (11.3)	88 (58.7)	43 (28.7)
D8	Saya berasa khawatir untuk mempraktikkan PBP dalam aktiviti pengajaran saya	16 (10.7)	52 (34.7)	31 (20.7)	36 (24.0)	15 (10.0)
D9	Saya selalu mempelbagaikan inovasi dalam pelaksanaan PBP berdasarkan minat murid	2 (1.3)	5 (3.3)	35 (23.3)	87 (58.0)	21 (14.0)
D10	Saya berpendapat bahawa PBP hanya menambah beban guru.	18 (12.0)	51 (34.0)	38 (25.3)	24 (16.0)	19 (12.7)
D11	Saya kerap berkerjasama dengan rakan-rakan guru lain supaya dapat mengatasi kelemahan dalam PBP	1 (0.7)	8 (5.3)	31 (20.7)	84 (56.0)	26 (17.3)
D12	Saya mampu berganding bahu bersama guru sejarah sekolah lain bagi melancarkan pelaksanaan PBP	0 (0.0)	3 (2.0)	17 (11.3)	91 (60.7)	39 (26.0)
D13	Saya ingin menambah ilmu dan kemahiran dalam pelaksanaan PBP dengan menghadiri kursus	0 (0.0)	1 (0.7)	20 (13.3)	86 (57.3)	43 (28.7)
D14	Saya memotivasikan murid supaya berinteraksi secara aktif semasa pelaksanaan PBP.	0 (0.0)	1 (0.7)	15 (10.0)	89 (59.3)	45 (30.0)
Purata Min = 3.92						
Sisihan Piawai = 0.50						
Tahap = Sederhana Tinggi.						

Analisis item menunjukkan bahawa D3, “Pelaksanaan PBP melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran”, mencatat peratusan persetujuan tertinggi iaitu 90.0% (Setuju = 57.3%; Sangat Setuju = 32.7%), menandakan guru Sejarah menggalakkan penglibatan aktif murid. Sebaliknya, item D10, “Saya berpendapat PBP hanya menambah beban guru”, memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu 28.7% (Setuju = 16.0%; Sangat Setuju = 12.7%) dan peratusan kurang setuju tertinggi 25.3%, menunjukkan guru secara umum tidak menganggap PBP sebagai beban tambahan. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai sikap positif terhadap pelaksanaan PBP, yang dapat meningkatkan rasa ingin tahu dan penglibatan murid secara aktif.

Mengenal Pasti Hubungan Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP

Untuk menilai hubungan di antara pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBP, ujian korelasi Pearson telah dijalankan. Ujian ini melibatkan gabungan dua

pemboleh ubah pada satu masa, iaitu pengetahuan dan kemahiran, pengetahuan dan sikap, serta kemahiran dan sikap, bagi melihat kekuatan serta arah hubungan antara pemboleh ubah tersebut.

Jadual 4.5: Korelasi Pearson Antara Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sejarah (n=150)

Pemboleh Ubah	Pengetahuan Guru	Kemahiran Guru	Sikap Guru
Pengetahuan Guru	1	.782**	.561**
Kemahiran Guru	.782**	1	.645**
Sikap Guru	.561**	.645**	1

* $p < 0.01$, signifikan 2 hala

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah.

Berdasarkan analisis, nilai korelasi antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru ialah $r = 0.790$, dengan tahap signifikan $p = 0.000$, yang berada di bawah ambang signifikan 0.01 ($p < 0.01$). Oleh itu, Ho1 ditolak, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif dan kuat antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam pelaksanaan PBP. Keputusan ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap pengetahuan tinggi cenderung lebih mahir merancang dan melaksanakan aktiviti PBP secara berkesan (Chua, 2014).

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah.

Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan guru dan sikap guru terhadap pelaksanaan PBP, dengan nilai korelasi $r = 0.566$ dan tahap signifikan $p = 0.000$ ($p < 0.01$). Oleh itu, Ho2 ditolak, sekali gus membuktikan wujud hubungan signifikan positif pada tahap sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi berkaitan PBP cenderung untuk mempamerkan sikap yang lebih positif dan proaktif terhadap pelaksanaan kaedah tersebut dalam pengajaran Sejarah, selaras dengan pandangan Chua (2014).

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan sikap guru terhadap pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah.

Analisis menunjukkan nilai korelasi antara kemahiran guru dan sikap guru ialah $r = 0.641$, dengan tahap signifikan $p = 0.000$ ($p < 0.01$). Oleh itu, Ho3 ditolak, menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif pada tahap sederhana antara kemahiran guru dengan sikap guru.

Keputusan ini menunjukkan bahawa guru yang memiliki kemahiran tinggi dalam pelaksanaan PBP cenderung menunjukkan sikap yang positif, kreatif dan berdedikasi semasa mengendalikan aktiviti pembelajaran (Chua, 2014).

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga konstruk iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap keberkesanan pelaksanaan PBP dalam pengajaran Sejarah. Ini menekankan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru merupakan asas kepada sikap yang positif, sekaligus mempengaruhi tahap kesediaan mereka untuk melaksanakan PBP secara berkesan di bilik darjah.

PERBINCANGAN KAJIAN

Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan PBP berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini merumuskan pengetahuan guru mempunyai hubungan positif yang kuat dengan kemahiran guru dalam pelaksanaan PBP, manakala hubungan pengetahuan dan sikap serta kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana. Hasil ini sepadan dengan Sulaiman et al. (2017) yang menegaskan bahawa keberkesanan pelaksanaan pedagogi baharu bergantung kepada tahap kesediaan guru dalam menyampaikan ilmu secara efektif.

Walaupun guru menunjukkan kesedaran tentang kepentingan PBP, pengetahuan mereka mengenai teori, model, dan pendekatan pedagogi masih belum mencapai tahap optimum. Fenomena ini selaras dengan kajian Palavan, Cicek, dan Atabay (2016) yang mendapati kesediaan guru untuk melaksanakan PBP terhad kerana pengetahuan yang rendah. Guru-guru Sejarah cenderung menekankan aspek asas PBP tanpa mengaitkannya dengan teori atau matlamat pedagogi yang lebih mendalam, seiring dengan dapatan Oikonomou (2012) yang menyatakan bahawa kekurangan pemahaman konseptual boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PBP.

Tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBP juga berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian menunjukkan guru lebih mahir dalam memupuk kolaborasi di kalangan murid, namun masih kurang mahir dalam memilih model PBP yang sesuai dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Kekurangan kemahiran ini mungkin berpunca daripada penguasaan teori dan model pedagogi yang lemah, sekali gus menyebabkan kurangnya keyakinan guru untuk mengaplikasikan pendekatan pedagogi baharu secara efektif (Dyment et al., 2018).

Sikap guru terhadap pelaksanaan PBP menunjukkan tahap sederhana tinggi, dengan guru bersedia menggalakkan penglibatan aktif pelajar dan tidak menganggap PBP sebagai beban tambahan. Walau bagaimanapun, beberapa guru masih bimbang mengenai pengurusan tingkah laku murid semasa aktiviti luar bilik darjah (Parker, 2022; Speedlin, 2010). Hubungan positif antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru menunjukkan bahawa guru yang berpengetahuan tinggi cenderung mahir dan mempamerkan sikap positif dalam pelaksanaan PBP, sejajar dengan kajian Chua (2014) dan Meng et al. (2023). Sikap guru yang positif memainkan peranan penting dalam mewujudkan interaksi pembelajaran yang berkesan,

memupuk kreativiti dan pemikiran kritis pelajar, serta meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran (Cincera et al., 2021).

Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran ($r=0.790$, $p<0.01$), pengetahuan dan sikap ($r=0.566$, $p<0.01$), serta kemahiran dan sikap ($r=0.641$, $p<0.01$). Keputusan ini menjelaskan bahawa peningkatan pengetahuan guru akan menyokong peningkatan kemahiran dan sikap, sekaligus meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah.

Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran ($r = 0.790$, $p < 0.01$), pengetahuan dan sikap ($r = 0.566$, $p < 0.01$), serta kemahiran dan sikap ($r = 0.641$, $p < 0.01$). Dapatan ini menjelaskan bahawa peningkatan tahap pengetahuan guru berkaitan PBP berupaya menyokong perkembangan kemahiran dan sikap yang positif, seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah.

Dapatan kajian ini membawa implikasi yang signifikan terhadap pembangunan profesional guru serta pengurusan pendidikan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh merangka serta melaksanakan program latihan dan bengkel berfokuskan PBP secara berstruktur bagi meningkatkan tahap kesediaan guru. Guru yang bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap berupaya melaksanakan PBP dengan lebih berkesan, sekali gus mewujudkan pembelajaran yang bermakna, menyeronokkan, serta melahirkan murid yang berfikir kritis, kreatif, dan mampu menghargai warisan budaya serta sejarah negara (Kelly et al., 2023; Vlachopoulos, 2024; Rehman et al., 2024).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan PBP berada pada tahap sederhana tinggi. Disamping itu, dapatan kajian turut mencerminkan kewujudan hubungan yang signifikan antara pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru terhadap pelaksanaan PBP. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa guru yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi cenderung bagi mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap pelaksanaan PBP, seterusnya menyumbang kepada peningkatan keberkesanan amalan pengajaran dalam mata pelajaran Sejarah.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh pelaksanaan PBP perlu difokuskan kepada peningkatan latihan profesional guru secara berterusan, khususnya dalam aspek perancangan projek, pemilihan model PBP dan pentaksiran autentik. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah disarankan untuk merangka program pembangunan profesional yang lebih sistematik dan berfokus bagi meningkatkan tahap kesediaan guru Sejarah. Kesediaan guru yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap bukan sahaja menyokong pelaksanaan PBP secara berkesan, malah berupaya mewujudkan pembelajaran Sejarah yang lebih bermakna, menyeronokkan dan relevan dengan keperluan murid abad ke-21.

Bagi kajian lanjutan, penyelidikan masa hadapan disarankan untuk meneroka faktor sokongan organisasi, beban kerja guru dan keberkesanan latihan profesional terhadap

pelaksanaan PBP, serta melibatkan kaedah kualitatif bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman sebenar guru dalam mengaplikasikan pendekatan ini di bilik darjah.

RUJUKAN

- Abbas, A., Rahman, M. N. A., & Yusof, N. 2023. Cabaran pendidikan abad ke-21 dalam era globalisasi dan digitalisasi. *Malaysian Journal of Education*, 48(2): 15–28.
- Abd Hamid, S., Ahmad, M. & Awang, M. M. 2019. Tahap kefahaman guru terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1): 23–34.
- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2): 179–211.
- Akonoglu, O. 2008. Assessment of the effectiveness of project-based learning. *International Journal of Educational Research*, 48(4): 222–236.
- Afshar, B., Foroutan, M., & Ghiasi, A. 2021. Digital learning and children's interaction with nature: Educational implications. *Journal of Environmental Education*, 52(3): 201–215.
- Balakrishnan, V., & Salim, S. S. 2007. Sikap guru terhadap inovasi pedagogi dalam bilik darjah. *Jurnal Pendidikan*, 32: 45–60.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2021. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Sekolah Rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bender, W. N. 2012. *Project-based learning: Differentiating instruction for the 21st century*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Buck Institute for Education. 2003. *Project-based learning handbook*. Novato, CA: Buck Institute for Education.
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan* (Edisi ke-3). Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Cincera, J., Johnson, B., & Kovacikova, S. 2021. Fostering students' engagement through project-based learning. *Educational Research Review*, 34: 100402.
- Dyment, J. E., Hill, A., & Emery, S. 2018. Teachers' perceptions of outdoor learning and PBL. *Teaching and Teacher Education*, 72: 86–95.
- Fazila, A. & Mohd Mahzan, A. 2019. Amalan pedagogi guru Sejarah dan cabaran pembelajaran berpusatkan murid. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(2): 1–12.
- Foran, A. 2008. Authentic learning in history education. *History Teacher*, 41(3): 345–360.
- Gunter, M. A., Estes, T. H., & Schwab, J. 2014. *Instruction: A models approach* (6th ed.). Boston: Pearson Education.
- Harris, R. 2016. The place of project-based learning in curriculum reform. *Curriculum Journal*, 27(3): 345–358.
- Hashim, S., & Mahamod, Z. 2021. Tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan pentaksiran autentik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1): 55–66.
- Hmelo-Silver, C. E. 2013. Problem-based and project-based learning. *Educational Psychology Review*, 25(2): 235–266.

- Holland, D., Skinner, D., & Cain, C. 2018. History education and social understanding. *Journal of Social Studies Research*, 42(3): 181–192.
- James Ang, J. H. 2017. Kemahiran pemikiran sejarah dalam pendidikan Sejarah. *Jurnal Pendidikan Sejarah*, 5(1): 14–26.
- Kelly, J., Knowles, A., & Han, J. 2023. Enhancing historical thinking through project-based learning. *International Journal of History Education*, 27(1): 1–18.
- Kokotsaki, D., Menzies, V., & Wiggins, A. 2016. Project-based learning: A review of the literature. *Improving Schools*, 19(3): 267–277.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3): 607–610.
- Larmer, J., Mergendoller, J. R., & Boss, S. 2015. *Setting the standard for project-based learning*. Alexandria, VA: ASCD.
- Lee, J., Kim, H., & Kim, J. 2014. Inquiry-based project learning in Asian classrooms. *Asia Pacific Education Review*, 15(2): 321–331.
- Lonka, K., Hietajärvi, L., & Tuominen, H. 2018. Phenomenon-based learning in Finland. *Learning and Instruction*, 55: 30–43.
- Meng, C., Idris, N., & Eu, L. K. (2023). Teachers’ attitudes towards innovative assessment practices. *Assessment in Education*, 30(2): 210–225.
- Mills, G. E., & Gay, L. R. 2016. *Educational research: Competencies for analysis and applications* (11th ed.). Boston: Pearson Education.
- Mohamad Ikhwan, M., & Anuar Ahmad. 2018. Pembelajaran Sejarah berasaskan pengalaman. *Jurnal Pendidikan Sejarah*, 6(2): 33–45.
- Mohamad, S., Fadzil, H. M., & Ali, M. M. 2021. Pelaksanaan PBP dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2): 89–101.
- Noraini, M. N., Halim, L., & Liana, N. 2019. Kefahaman guru terhadap pentaksiran autentik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20: 101–114.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. 1994. *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Oikonomou, A. 2012. Teachers’ conceptual understanding of project-based learning. *Journal of Educational Studies*, 38(4): 345–360.
- Ozerk, K. 2020. Teaching practices and teacher professionalism. *Educational Review*, 72(4): 456–470.
- Palavan, O., Cicek, V., & Atabay, M. 2016. Teachers’ readiness for project-based learning. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 16(4): 1237–1255.
- Parker, J. 2022. Teacher concerns in outdoor and project-based learning. *Journal of Experiential Education*, 45(1): 65–80.
- Parry, W., & Allison, P. 2019. Experiential learning and outdoor education. *Journal of Adventure Education*, 22(3): 213–226.
- Prasetya, A., Segara, N. B., & Imron, A. 2020. Measuring teachers’ readiness for PBL implementation. *International Journal of Instruction*, 13(4): 635–650.
- Rehman, A., Shaheen, S., & Kazi, A. S. 2024. Project-based learning and 21st century skills. *Education and Information Technologies*, 29: 145–162.

- Speedlin, S. 2010. Managing student behavior in outdoor learning environments. *Journal of Outdoor Education*, 14(2): 25–37.
- Sulaiman, T., Rahman, A., & Nasir, M. 2017. Kesediaan guru terhadap inovasi pedagogi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2): 67–78.
- Tamim, R. M., & Grant, M. M. 2013. Definitions and uses of project-based learning in different educational settings. *Educational Research Review*, 10: 1–15.
- Tumanduk, J., Abdullah, N., & Yusoff, M. 2018. Kesediaan guru dan transformasi pendidikan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(1): 55–72.
- Vlachopoulos, D. 2024. Project-based learning in higher and school education. *Education Sciences*, 14(1): 45.
- Vincent-Lancrin, S., González-Sancho, C., & Bouckaert, M. 2019. Artificial intelligence and the future of education. Paris: OECD Publishing.
- Waite, S. 2011. *Teaching and learning outside the classroom*. London: Routledge.
- Wang, X., Liu, M., & Hwang, G. J. 2023. Project-based learning and meaningful learning. *Computers & Education*, 191: 104646.
- Wayne Ross, E. 2019. *Critical theories in social studies education*. New York: Routledge.